

722/06/22-31MST

CNS2430

U PB 22-06 00158 BH725

bah

Mahathir-UMNO

PM BIDAS MEREKA YANG MEMENTINGKAN DIRI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka yang berkempen supaya bahagian-bahagian UMNO mencalonkan naib presiden Anwar Ibrahim bagi jawatan timbalan presiden parti itu sebenarnya mementingkan diri mereka sendiri.

"Mereka ini sebenarnya bekerja untuk diri mereka sendiri.

"Dia orang harap dia punya boss naik, diapun boleh naik tangga sama. Itu saja." katanya ketika diminta mengulas kenyataan beberapa pemimpin yang mahukan ada pertandingan untuk jawatan penting sebagai menghormati keputusan anggota parti.

Bercakap pada persidangan akhbar setelahnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang dekat sini sekembalinya daripada lawatan rasmi ke China, Dr Mahathir berkata mereka yang terbabit itu hanya mementingkan diri sendiri.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan memberi nasihat kepada mereka ini.

"Saya tidak ada nasihat apa-apa. Membuang masa sahaja... dah cakap beratus kali dah." katanya. -- Lagi

722/06/21-47MST

CNS2437

U PB 22-06 00111 BH726

bah

Mahathir-UMNO 2 Kuala Lumpur

"Mereka bukan menyokong Anwar tapi menyokong diri mereka sendiri," katanya.

Anwar telah menyatakan bahawa beliau tidak akan mencabar Encik Ghafar Baba bagi merebut jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu November ini.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata dalam menegakkan demokrasi tidak bererti mesti ada pertandingan.

"Kalau tidak bertanding demokrasi juga. Demokrasi bukan bermakna mesti bertanding.

"Yang jadi rosak ialah tak ada sebabpun, nak bertanding," katanya.

Dr Mahathir berkata seseorang itu perlu mempunyai matlamat sekiranya ia mahu bertanding untuk apa-apa jawatan.

"Bertanding hanya kerana ingin bertanding adalah membuang masa," katanya. -- Lagi

722/06/21-57MST

722/06/22-17MST

4

CNS2450

U PB 22-06 00199 BC724

bah

Mahathir-UMNO 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata beliau tidak bersetuju dengan cadangan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail bagi mengubah keperluan majoriti dua pertiga kepada majoriti mudah bagi urusan minda perlembagaan di Parlimen.

Katanya, keperluan majoriti dua pertiga itu perlu diteruskan bagi melindungi kepentingan kaum minoriti.

Sekiranya diubah, hak kaum minoriti yang termaktub dalam Perlembagaan mungkin akan dicabuli, kata Dr Mahathir.

Mengenai lawatannya ke China, Dr Mahathir berharap pihak swasta akan membuat susulan untuk melaksanakan perjanjian-perjanjian dan memorandum persefahaman yang ditandatangani ketika lawatan beliau itu.

Katanya, kerajaan akan memberi sokongan yang diperlukan oleh syarikat yang terlibat.

Yang turut berada di lapangan terbang menyambut kepulangan Perdana Menteri dan rombongannya ialah Encik Ghafar, menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan menteri serta pegawai tinggi kerajaan.

Turut hadir ialah pemain beregu badminton negara Cheah Soon Kit yang menghadiahkan pingat emas yang dimenangnya pada Sukan SEA ke-17 di Singapura baru-baru ini kepada isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Cheah berkata beliau dan pasangannya Soo Beng Kiang memenangi pingat itu untuk Dr Siti Hasmah, yang menjadi pendorong utama mereka. -- Bernama.

AZG AZ.

722/06/22-17MST